



**TEKS UCAPAN
YB TUAN LIM GUAN ENG
MENTERI KEWANGAN**

**PELANCARAN GERAN PADANAN PENDIGITALAN RM500 JUTA
BAGI PKS YANG MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA LANGKAH
BELANJAWAN 2020**

**CYBERVIEW RESORT & SPA, CYBERJAYA
17 FEBRUARI 2020 (ISNIN)**

Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia

Yang Berhormat Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah
Timbalan Menteri Kewangan Malaysia

Yang Berhormat Datuk Wira Dr Mohd Hatta Ramli,
Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia

Yang Berusaha Puan Rossana Annizah Rashidi
Pengerusi BSN

Yang Berbahagia Datuk Yunos Abd Ghani,
Ketua Eksekutif BSN

Yang Berusaha Encik Aria Putera Ismail,
Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan SME Bank

Yang Berusaha Puan Surina Shukri,
Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,

Tuan-tuan dan puan-puan,

Salam sejahtera dan salam harapan

PENDAHULUAN: PELANCARAN GERAN PADANAN PENDIGITALAN RM500 JUTA

1. Terima kasih kepada pihak Bank Simpanan Nasional (BSN) kerana mengelolakan Majlis Kolaborasi Strategik antara BSN, Kumpulan SME Bank dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) pada hari ini.
2. Kolaborasi yang melibatkan penyaluran geran padanan pendigitalan bernilai RM500 juta ini bertujuan untuk mempertingkatkan proses pendigitalan di kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Penyaluran ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah Belanjawan 2020 yang dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober 2019.
3. Usaha ini dilaksanakan demi mencapai misi Kerajaan untuk mengembangkan ekonomi digital sebagai sebuah enjin pertumbuhan negara. Pengembangan ekonomi digital adalah penting bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti Malaysia semasa ekonomi dunia mengalami Revolusi Industri 4.0.

EKONOMI DIGITAL MALAYSIA

4. Penggunaan FinTech sedang berkembang dengan pesat. Ia sedang mengenalkan kaedah-kaedah baharu untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi peniaga dan pengguna melalui penggunaan teknologi-teknologi Industri 4.0 seperti data raya, kecergasan buatan dan data analytics.
5. Salah satu bidang Fintech utama di Malaysia adalah sistem pembayaran digital. Untuk membantu meluaskan lagi penggunaan pembayaran digital di kalangan pengguna dan peniaga, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM450 juta melalui prograde-Tunai Rakyat di mana Kerajaan memberikan RM30 kepada sehingga 15 juta rakyat Malaysia yang berpendapatan kurang daripada RM100,000 setahun. Setakat 16 Februari 2020, 6.4 juta permohonan e-Tunai Rakyat telah diluluskan, di mana RM192 juta telah dituntut oleh pengguna yang layak.
6. Bagi menyediakan ekonomi Malaysia untuk bersaing dengan lebih kompetitif dalam era Industri 4.0, Kerajaan melalui usahasama awam-swasta akan membelanjakan RM21.6 bilion dari 2019 sehingga 2023 untuk merealisasikan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau National Fiberisation and Connectivity Plan (NFCP). NFCP akan memperluaskan akses kepada internet jalur lebar berkelajuan tinggi pada kos yang berpatutan untuk semua rakyat Malaysia di seluruh negara.

GERAN PADANAN DIGITAL UNTUK PKS

7. Pihak Kerajaan telah memperuntukkan program-program khas bagi mendigitalkan pelbagai segmen ekonomi Malaysia. Untuk sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Kerajaan menyediakan geran padanan pendigitalan berjumlah RM500 juta selama 5 tahun bagi menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk mendigitalkan proses perniagaan mereka melalui langganan perkhidmatan digital.
8. Melalui geran RM500 juta ini, Kerajaan akan membiayai 50% daripada kos langganan dengan jumlah sehingga RM5 ribu untuk melanggan perkhidmatan yang relevan untuk setiap PKS yang permohonannya diluluskan.
9. Geran Padanan Pendigitalan ini terbuka kepada 100 ribu PKS pertama setiap tahun yang memohon untuk memantapkan proses pendigitalan perniagaan mereka melalui penggunaan Sistem Jualan Elektronik (e-POS), Perencanaan Sumber Daya Perusahaan (ERP), Sistem Penggajian Sumber Manusia (CRM), pemasaran digital dan sistem perakaunan.
10. Bagi menyalurkan geran ini kepada usahawan PKS, Kerajaan telah melantik pihak Bank Simpanan Nasional (BSN) sebagai peneraju utama dalam sebuah kerjasama strategik yang disertai oleh Kumpulan SME Bank dan MDEC.
11. Setiap agensi ini mempunyai peranan masing-masing untuk memastikan kemudahan ini dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia kepada ekonomi digital.
12. Untuk makluman para hadirin, terdapat 42 Penyedia Penyelesaian Teknologi atau Technology Solution Provider (TSP) di bawah penyeliaan MDEC, yang menyediakan perkhidmatan pendigitalan. Senarai TSP yang terkini boleh didapati di laman sesawang BSN.
13. Mana-mana syarikat lain yang berminat untuk menjadi penyedia perkhidmatan pendigitalan boleh membuat permohonan kepada MDEC selewat-lewatnya 31 Mac 2020, tertakluk kepada terma dan syarat.
14. Ketiga-tiga agensi yang terlibat dalam menjayakan program inimerancang untuk mengadakan jerayawara atau roadshow di setiap negeri bagi memastikan semua PKS sedar akan kewujudan geran padanan digital serta bantuan-bantuan lain yang diberikan Kerajaan. Secara khususnya, jerayawara tersebut akan memberikan PKS maklumat terperinci tentang geran padanan tersebut dalam membimbing mereka dalam mendapatkannya.

MEMPERKASAKAN PKS DI MALAYSIA

15. Geran ini diperlukan untuk meluaskan lagi sumbangan ekonomi digital kepada KDNK Malaysia. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, 18.5% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada tahun 2018 disumbangkan oleh ekonomi digital. Peratusan ini dijangka meningkat dan melebihi 21% berbanding KDNK pada tahun 2022.

16. Akan tetapi, masih banyak lagi PKS yang belum bersedia menjadi sebahagian daripada landskap digital ini. Pendigitalan ekonomi Malaysia tidak akan berjaya jika proses digitalisasi tidak berlaku di kalangan PKS. Ini adalah kerana 98.5% daripada perniagaan di Malaysia terdiri daripada PKS, sambil menyumbang sekitar 38% kepada KDNK negara pada tahun 2018.

17. Atas dasar itulah, saya menyeru semua terutamanya para usahawan PKS untuk mempersiapkan diri anda dengan kemahiran teknologi digital agar dapat sama-sama berkembang dan bersaing dalam sektor perniagaan pada hari ini.

PENUTUP

18. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini. Saya dengan ini merasmikan Majlis Kolaborasi Strategik antara BSN, Kumpulan SME Bank dan MDEC, dan melancarkan Geran Padanan Pendigitalan PKS.

Sekian, Terima kasih
